



NOOR AZLAN GHAZALI menyerahkan watiqah pelantikan sebagai Felo Diraja Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kepada Tunku Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz di UKM, Bangi, Selangor, semalam. - IHSAN UKM

Tunku Zain dilantik Felo Diraja UKM

KUALA LUMPUR 6 Feb. - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini melantik anakanda Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz sebagai Felo Diraja UKM di Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas) untuk tempoh tiga tahun.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, pelantikan tersebut merupakan pengiktirafan kepada Tunku Zain Al-Abidin dalam

usaha meningkatkan perkembangan UKM, pendidikan tinggi negara dan komuniti ASEAN secara keseluruhan.

"Pelantikan tersebut melambangkan penghormatan tertinggi kepada Tunku Zain Al-Abidin yang telah memberi sumbangan tidak berbelah-bahagi terhadap pelbagai aspek dan program untuk masyarakat, baik dalam dan luar negara tidak kira menerusi UKM ataupun institusi-institusi lain.

"Sebagai Felo Diraja, Tunku berpeluang membantu UKM dalam pelbagai perkara termasuklah membincangkan isu polisi dan semasa melalui seminar serta berkongsi pandangan dengan graduan, justeru itu, diharap fakulti dan institut di UKM dapat bekerjasama dengan Tunku bagi merealisasikan visi dan misinya pada masa akan datang," katanya dalam majlis penyerahan watiqah pelantikan di UKM Kampus Bangi, dekat sini hari ini.